

BAB 1

1.1 Pengenalan

1.1.1 Dunia menuju ke alaf baru.

Masyarakat global kita sedang memasuki sebuah dunia baru. Kejutan masa depan (*future shock*) sudah pun berlaku. Apa yang dibayangkan orang telah pun terjadi. Begitulah senario yang terjadi di alaf baru yang dikatakan satu era yang penuh dengan pelbagai cabaran dan realiti baru. Setiap orang akan berdepan dengan kemajuan pantas dalam bidang sains, rempuhan era informasi yang menakjubkan, perkembangan canggih dalam bioteknologi, robotik, kejuruteraan genetik, teknologi satelit dan angkasa lepas.

Dalam masa yang sama, dunia semakin mengecil dan “tanpa sempadan”. Ekonomi dunia semakin bergantung walaupun masih ada unsur manipulasi antara satu sama lain. Menurut Dyson et. al (1994),

“‘Cyerspace’ is a wonderful pluralistic word to open more minds to the Third Wave’s civilizing potential. Rather than being a centrifugal force helping to tear society apart, cyberspace can be one of the main form of glue holding together an increasingly free and diverse society”.

Selain dalam bidang ekonomi, bidang-bidang lain turut mengalami perubahan yang ketara akibat daripada proses globalisasi dunia ini. Marshall McLuhan (1993) telah lama membayangkan keadaan yang mana sektor media akan menggantikan susunan dunia lama. Malahan salah satu ciri menarik zaman pascamoden ialah munculnya kebangkitan empayar multimedia.

1.1.2 Cetusan Penubuhan MSC di Malaysia

Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan satu rancangan pembangunan teknologi maklumat yang diumumkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamed, ketika beliau merasmikan Pusat Pentadbiran Baru

Kerajaan Malaysia pada 1 Ogos 1996. MSC meliputi kawasan seluas 750 meter persegi iaitu 50 kilometer panjang dan lebar 15 kilometer dengan saiz lebih besar daripada Singapura. Kawasan ini bermula dari Menara Berkembar Petronas (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sebelah selatan.

Gerbang MSC ini memainkan peranan sebagai pusat pemangkin multimedia di kawasan tersebut. Perbadanan Multimedia bertaraf antarabangsa turut di beri peluang bagi menempatkan unit perniagaan dan kelengkapan penyelidikan serta perkembangannya. Ia adalah asas untuk membekalkan produk multimedia dan memberi perkhidmatan kepada pasaran serantau serta seluruh dunia.

MSC merupakan inisiatif bertaraf antarabangsa yang pertama seumpamanya di dunia. Ia bertujuan membantu syarikat di seluruh dunia menguji teknologi terkini dan meyiapkan diri menghadapi masa depan. MSC mempercepatkan Malaysia ke era maklumat dan seterusnya membantu menjayakan wawasan 2020. MSC buat pertama kalinya mewujudkan sebuah persekitaran bersepadu dengan semua elemen dan unsur unik yang diperlukan untuk mencipta iklim media globalisasi yang sempurna dan lengkap.

Dalam projek MSC, kerajaan Malaysia akan mempelopori 7 aplikasi perdana iaitu:

- i) Kerajaan Elektronik
- ii) Kad Pintar Pelbagai Guna
- iii) Tele-perubatan
- iv) Sekolah Bestari
- v) Kelompok Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- vi) Rangkaian Pengilangan Sedunia
- vii) Pusat Pemasaran Tanpa Sempadan

Ke tujuh-tujuh aplikasi yang merupakan pelopor MSC ini dijangka sempurna perlaksanaannya pada tahun 2020.

Strategi MSC ialah menggabungkan segala elemen yang unik dan membina sebuah suasana multimedia yang baik. MSC mensasarkan untuk menarik syarikat teknologi bertaraf dunia dan menggunakan sebagai pusat bagi menguji teknologi. Gabungan suasana ini ialah campuran dan kepelbagaian infrastruktur, undang-undang, polisi serta penggunaan syarikat ICT dalam multimedia. Kerajaan dan orang ramai akan dapat menggunakan potensi segala maklumat. Dengan ini Malaysia telah memperkenalkan senarai yang dikenali sebagai Rang Jaminan (*Bill of Guarantee*) untuk menarik syarikat berstatus MSC. Antara kandungan Rang Jaminan itu ialah:

- i) Menyediakan infrastruktur fizikal dan maklumat bertaraf dunia.
- ii) Membenarkan pengambilan pekerja maklumat tanpa had.
- iii) Hak milik bebas.
- iv) Bebas untuk mencari perniagaan luar.
- v) Menjadi pendulu serantau dalam perlindungan hak milik intelektual dan undang-undang siber.
- vi) Menyediakan cukai pendapatan, elauan cukai pelaburan dan tarif telekomunikasi yang menarik
- vii) Tiada penapisan internet.

Terletak di tengah-tengah rantau Asia Pasifik, MSC kini mengalami perkembangan ekonomi yang kian pesat. Pembangunan ini turut mengubah corak perdagangan dunia secara menyeluruh. Usahawan yang memperkembang dan mengaplikasi teknologi tinggi multimedia ini berpeluang menggunakan keunikan teknologi yang sedia ada dengan sepenuhnya seperti interaksi pelbagai budaya Malaysia, teraju pimpinan yang berkewibawaan serta kedudukan kredit hasil

daripada pengalaman memberi perkhidmatan dan membekalkan produk kepada pasaran serantau. Segala faktor positif ini dapat mempertingkatkan daya persaingan para usahawan di pasaran dunia. Konsep projek MSC yang terkini juga akan membawa Malaysia ke arah pembangunan teknologi maklumat yang lebih pesat. Malaysia akan menjadi pusat teknologi maklumat tercanggih di rantau Asia Tenggara dan seterusnya memainkan peranan penting dalam bidang teknologi maklumat anratabangsa.

Tun Dr. Mahathir Mohamed pernah berucap di pelbagai seminar khususnya di luar negara menerangkan tentang MSC dalam usaha menarik syarikat dan pelabur luar untuk mengambil bahagian dalam pembangunan MSC.

“we are offering our Multimedia Super Corridor(MSC) as a gift to the world. We are endeavouring to create the world's best environment for harnessing the full potential of multimedia without any artificial limits. We see the MSC s a global test bed, where the limits of possible can be explored and new ways of living, working and playing in the new era of the information age be tested. We hope to build a multi-cultural “web” of collaborating companies and smart-regions that will mutually enrich all those who come into contact with it”

(Tun Dr. Mahathir Mohamed:1998)

Bagi melaksanakan projek MSC ini, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1996 untuk menerajui pembangunan dan aplikasi MSC. MDC telah mmepercepatkan semua aplikasi MSC di peringkat syarikat multinasional dan tempatan. Ia juga bertanggungjawab terhadap pemasaran MSC secara global dan membentuk polisi serta melaksanakan undang-undang siber yang spesifik dari segi memberi penduluan kepada kerajaan Malaysia dalam semua aplikasi MSC dan meyeragamkan pembangunan bandar serta infrastruktur maklumat.

MDC ialah sebuah perbadanan yang sentiasa berusaha memastikan MSC setaraf dunia dan mempunyai potensi tinggi dalam bidang ICT dan teknologi maklumat serta multimedia. Penubuhan MDC adalah bertujuan untuk memastikan syarikat pelabur multimedia memperoleh persekitaran pelaburan multimedia yang paling baik. Pada peringkat permulaan, syarikat ini di tubuhkan di bawah Akta Syarikat yang di miliki oleh Khazanah Negara dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. MDC bercadang menubuhkan 10 cawangan di luar negara sebagai langkah pengembangan ke pasaran seberang laut. MDC berperanan sebagai:

- i) Pusat serenti (*one-stop super shop*) untuk semua projek MSC yang diluluskan oleh kerajaan.
- ii) Pemasar bagi semua syarikat Malaysia dan antarabangsa.
- iii) Pembekal khidmat pelanggan dan memastikan persekitaran multimedia yang terbaik di dunia.
- iv) Penyelaras semua kontrak berkaitan dengan MSC.
- v) Pemangkin pemberian “status MSC” kepada mereka yang berkelayakan.
- vi) Pembiayaan kewangan untuk memupuk semangat keusahawanan menerusi penyediaan modal.

1.1.3 Gaya Hidup Golongan Surirumah di Bandar dan Luar bandar

Situasi negara yang sedang membengun turut dirasai oleh setiap lapisan masyarakat sama ada di bandar atau di luar bandar tanpa mengira batasan. Kajian ini turut memfokuskan peranan golongan surirumah dalam setiap pembangunan negara khususnya perkembangan pembangunan ICT. Setiap peranan surirumah adalah berkait rapat dengan gaya hidup mereka sehari-hari selain dari faktor persekitaran setempat seperti di kawasan bandar dan luar bandar.

Peranan surirumah adalah penting dalam membudayakan ICT dalam kehidupan mereka di zaman K-ekonomi kini. Internet merupakan saluran komunikasi yang amat berkesan serta dapat memberi akses kepada sumber-sumber maklumat global. Surirumah memainkan peranan besar ke arah pembangunan sosial negara. Dengan kemahiran menggunakan internet dan membudayakan ilmu dalam aktiviti harian, maka surirumah dijangka dapat menjalankan tugas dan berdayakuasa untuk menangani segala cabaran hidup sama ada di rumah atau di mana sahaja mereka berada.

Bagi surirumah di kawasan luar bandar, pengaruh internet dan budaya ICT tidak terlalu mempengaruhi corak kehidupan mereka sehari-hari. Ini kerana faktor persekitaran yang membataskan penyebaraan ICT berlaku. Selain itu, faktor pendidikan juga turut mempengaruhi golongan surirumah di kawasan luar bandar dalam usaha kerajaan menyampaikan maklumat tentang kepentingan ICT hari ini. Ini kerana rata-rata di kalangan mereka hanya memiliki tahap pendidikan yang rendah sahaja. Keadaan ini secara tidak langsung menyulitkan pihak-pihak tertentu untuk menyampaikan pengetahuan ICT kepada golongan surirumah di kawasan luar bandar ini.

Kebanyakan golongan surirumah di kawasan luar bandar tidak mengambil berat perkembangan ICT di sekitar mereka kerana mereka beranggapan rutin harian mereka tidak langsung melibatkan penggunaan ICT ataupun komputer. Ruang lingkup kehidupan mereka juga tidak perlu melibatkan sebarang aplikasi ICT.

Berbeza dengan surirumah di kawasan bandar, di mana pengetahuan mereka tentang ICT adalah lebih mendalam baik dari segi penggunaannya, kebaikan dan keburukan internet. Pendedahan mereka terhadap penggunaan ICT cukup meluas dengan adanya beberapa faktor seperti taraf hidup, kemudahan asas yang baik, saluran kempen yang berkesan, tahap pendidikan yang tinggi dan sebagainya.

Di samping itu, tumpuan kerajaan ataupun swasta dalam menjalankan kempen dan lain-lain adalah lebih tertumpu kepada masyarakat di kawasan bandar. Oleh itu, adalah tidak mustahil mengapa masyarakat di bandar khususnya surirumah lebih mendapat pendedahan berbanding mereka yang berada di luar bandar.

Seperti yang diketahui umum, penggunaan internet adalah amat penting bukan sahaja bagi mereka yang bergelar korporat. Golongan surirumah juga perlu menguasai ICT ini kerana melalui aplikasi ICT ini mereka boleh memudahkan urusan mereka sehari-hari contohnya teleperubatan dan sistem perbankan. Kedua-dua aplikasi ini dapat meringan dan mempercepatkan urusan mereka.

Selain itu, golongan surirumah yang mempunyai pengetahuan tentang ICT berpeluang mendidik anak-anak mereka dengan pelbagai saluran pendidikan yang boleh didapati dengan melayari mana-mana web site. Proses pendidikan adalah lebih meluas kerana para surirumah berpeluang mencari lebih banyak maklumat untuk disampaikan kepada anak-anak mereka kerana masa yang ada untuk mendapatkan pelbagai maklumat tersebut adalah banyak. Masa sehari mereka yang terluang sekurang-kurangnya diisi dengan perkara yang berfaedah

1.2 Definisi

1.2.1 Masyarakat Bermaklumat

Masyarakat bermaklumat wujud seiring dengan perkembangan maklumat dan pengetahuan. Ia berkembang melalui penerapan maklumat menghasilkan suatu komuniti masyarakat yang berkreativiti dan bijak mengendali serta memanipulasi maklumat menerusi teknologi baru.

"In the same vein, the information society is one in which the quality of life, prospects for social change and economic development depend increasingly on information and its exploitation".

(Martin,1995:3)

Masyarakat bermaklumat wujud apabila semua masyarakat pada hari ini menjalankan pelbagai urusan harian mereka menerusi aplikasi teknologi yang berteraskan penghasilan dan penggunaan maklumat.

"The symbol of the revolution in the computer, the "electronic brain" of the 'boffin' in science fiction films of a generation ago which now seem far older than their thirty or forty years. There is almost every office, on most desks and in many homes. Behind the scenes, it is involved in almost everything we do, from buying our groceries to making a telephone call".

(John Feather, 1994:1)

1.2.2 Koridor Raya Multimedia (MSC)

Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah satu kawasan uji kaji bagi menangani perubahan-perubahan yang berlaku dari zaman industri ke zaman IT. Uji kaji terhadap pembangunan dan pengembangan IT yang melibatkan setiap aspek aktiviti masyarakat akan dijalankan di bawah rancangan MSC. Lokasi MSC ditempatkan di satu kawasan yang bersempadan Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC), Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA), yang meliputi keluasan 15km x 50km. Pusat Bandar Kuala Lumpur menyediakan sistem telekomunikasi moden yang lengkap di Menara Kuala Lumpur. Sementara KLIA merupakan salah satu pintu masuk ke MSC. Putrajaya pula ialah sebuah bandar pentadbiran pintar di mana kerajaan Elektronik di perkenalkan dan merupakan Pusat Bandar yang berteraskan IT

Koridor Raya Multimedia (MSC) ialah kawasan khusus yang di bangunkan berasaskan industri teknologi maklumat (IT) dan telekomunikasi. Ia adalah projek yang dirancang kerajaan kerana menyedari kepentingan mempunyai industri IT dan telekomunikasi tempatan yang mantap dan mampu berdaya saing di peringkat antarabangsa, selaras dengan matlamat Wawasan 2020. MSC adalah inspirasi bekas Perdana Menteri iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi persediaan negara dan rakyat Malaysia memasuki alaf baru era teknologi maklumat. Beliau telah memperkenalkan MSC sewaktu merasmikan pusat pentadbiran baru kerajaan di Putrajaya, pada 20 Ogos 1995.

MSC merangkumi kawasan seluas kira-kira 750 kilometer persegi meliputi Kuala Lumpur City Center (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang (KLIA), Pusat Pentadbiran baru kerajaan dan bandaraya IT di Putrajaya serta Bandaraya Multimedia, Cyberjaya dengan cadangan pelaburan sebanyak RM 5.5 billion

Fasa pertama pembangunan prasarana MSC akan menghubungkan KLIA, Cyberjaya, Putrajaya dan ke bandaraya Kuala Lumpur yang dijangka tahun 1998. Fasa kedua pula membabitkan penyambungan terus dari KLIA ke bandaraya Kuala Lumpur dan di jangka siap mengjelang tahun 2005.

1.2.3 Teknologi Maklumat (IT)

Kenyataan seorang sarjana komunikasi, Marshall McLuhan "*The medium is the message*" pada tahun 1960-an ketika teknologi televisyen mula pesat berkembang, telah berjaya menarik perhatian para ahli akademik untuk melihat perkembangan dan kepentingan IT dalam masyarakat. Menurut teori McLuhan (1969), IT adalah penentu kedinamikan dalam sejarah dan perkembangan komunikasi dan ketamadunan manusia.

Marshall McLuhan (1993) juga telah lama membayangkan kesedaran yang mana sektor media akan menggantikan susunan dunia lama. Malahan salah satu ciri menarik zaman pascamoden ialah munculnya kebangkitan empayar multimedia.

Dengan adanya teknologi maklumat, manusia dapat berkomunikasi dengan mudah.

"It is contextualized by social structural. But more likely is the ability of IT to enhance or erode the social structures which contextualized them, implying that social relation are merely a reflection of the new technology".

(Low, 1997:138)

Implikasi utamanya ialah bahawa kegiatan manusia akan menjadi lebih efisyen kerana cetusan idea dan ilmu pengetahuan manusia dapat bertukar-tukar secara global (Meada, 1995:13, Clark, 1994). Oleh itu, teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah cara kita menangani perkara-perkara tertentu, cara kita bertindak balas serta cara kita memandang dunia dan diri kita sendiri. Contohnya melalui penggunaan komputer, telekomunikasi menerusi satelit, telefon bimbit dan banyak lagi.

1.2.4 Globalisasi

Pada masa ini globalisasi boleh dianggap sudah menjadi “buzz-word” yang digunakan oleh pelbagai pihak. Ia pernah dikatakan merupakan satu-satunya konsep terkini bagi dekad 1990-an (Waters, 1995:1). Globalisasi juga dikatakan menjadi konsep penting yang dapat membantu kita memahami transformasi masyarakat di dunia dengan menarik perhatian kita kepada perubahan asas yang sedang berlaku dalam era selepas Perang Dingin (Mitlelman, 1996).

Namun demikian, globalisasi bukanlah mudah untuk difahami. Menurut Mittleman (1996), "*A rubric for varied phenomena, the concept of globalization interrelates multiple levels of analysis economic, politics, culture and ideology*". Sungguhpun begitu, globalisasi boleh dianggap sebagai satu proses transformasi dunia kini yang di katakana bermula dan akan terus akan menghubungkaitkan semua kawasan dunia dalam satu sistem yang agak sejagat sifatnya.

Mittelman (1996) mentakrifkan globalissasi seperti berikut, "*A worldwide phenomenon, globalization is a coalescence of varied transnational processes and domestic structures, allowing the economy, politics, culture and ideology of one country to penetrate another the chains of causality runs from the spatial reorganization of production to international trade and to the integration of financial marketsDriven by changing models of competition, globalization compresses the time and aspects of social relations*".

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memberi pelbagai manfaat dan faedah yang amat bermakna terhadap golongan sasaran yang dikaji. Kajian seumpama ini dijalankan juga bertujuan untuk menyedarkan golongan surirumah tentang kepentingan adanya pengetahuan ICT melalui projek MSC yang dicetuskan oleh kerajaan. Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggariskan tiga objektif utama sebagai panduan sepanjang kajian ini dijalankan. Antaranya ialah:

1.3.1 Melihat bagaimana MSC memainkan peranannya untuk menyedarkan golongan surirumah di Malaysia terhadap penggunaan ICT

Dengan memfokuskan peranan penubuhan MSC yang merupakan projek mega negara ini, kajian yang dijalankan adalah bertujuan melihat bagaimana MSC melaksanakan strateginya untuk memastikan golongan surirumah di Malaysia sedar akan kepentingan, faedah dan kewujudan dunia yang dikatakan tanpa sempadan. Kajian ini juga diharapkan dapat mendedahkan secara lebih terperinci lagi akan kewujudan penubuhan MSC yang secara keseluruhannya menggunakan aplikasi ICT. Ini kerana rata-rata di kalangan surirumah tidak menitikberatkan aspek pembangunan ICT di negara ini. Keadaaan ini berlaku kerana kebanyakan mereka menanggap MSC dan ICT tidak berkaitan dengan dunia mereka yang banyak dihabiskan di rumah sahaja.

Oleh itu, peranan MSC adalah penting untuk menyedarkan golongan ini agar mereka tidak ketinggalan dalam arus globalisasi dan dunia komunikasi maklumat tanpa sempadan ini.

1.3.2 Mengenalpasti peranan dan penglibatan golongan surirumah dalam MSC serta dunia ICT dalam mewujudkan masyarakat bermaklumat

Kajian ini melihat peranan dan penglibatan golongan surirumah bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat. Peranan dan penglibatan golongan surirumah ini dapat dilihat sejauhmana golongan ini menggunakan ICT dalam kerja-kerja sehari-hari mereka seperti pemilihan perabot atau perhiasan untuk rumah, melihat katalog barang elektrik atau fesyen terkini dipasaran dan sebagainya.

Kajian ini juga adalah untuk melihat samada surirumah menjadikan ICT sebagai platform bagi mendapatkan pendapatan sampingan. Surirumah juga harus peka dengan kewujudan penubuhan MSC. Ianya penting bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat bukan sekadar MSC hanya disedari oleh golongan-golongan tertentu sahaja seperti golongan korporat ataupun pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

1.3.3 Melihat kadar kesedaran golongan ini dan strategi yang di ambil bagi mewujudkan kesedaran terhadap peranan MSC

Kajian ini dijalankan untuk melihat kadar dan peratusan golongan surirumah yang sedar akan kewujudan projek negara ini dan melihat samada mereka mengambil sepenuhnya manfaat yang diperolehi daripada projek MSC ini. Selain itu juga, kajian ini dijalankan untuk melihat kadar perbezaan kesedaran MSC di kalangan surirumah di kawasan bandar dan juga luar bandar. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan jumlah ini dan strategi yang di ambil bagi meningkatkan kesedaran terhadap peranan MSC.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan dengan mengedarkan borang soal selidik dan temubual secara langsung dengan responden yang dikenalpasti bagi mencapai objektif kajian ini.

1.4 Rasional Kajian

Kajian yang dijalankan ini wajar dilaksanakan untuk melihat tahap ataupun sejauhmana kesedaran tentang MSC di kalangan golongan sasaran kajian di kawasan bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia. Ianya amat penting bagi pengkaji untuk mengukur tahap kesedaran ini kerana melalui kajian seumpama ini kita dapat melaksanakan pelbagai strategi dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk menyedarkan golongan surirumah ini tentang kepentingan projek MSC.

Responden daripada golongan surirumah dipilih kerana golongan ini rata-ratanya didapati kurang terdedah kepada MSC dan juga dunia ICT berbanding dengan golongan lain seperti pekerja-pekerja di sektor kerajaan dan swasta serta para pelajar. Manakala kajian ini dijalankan di kawasan luar bandar dan bandar kerana terdapat perbezaan yang ketara tahap kesedaran mereka tentang MSC di dua kawasan tersebut. Ini mungkin di sebabkan oleh faktor persekitaran infrastruktur, tahap pendidikan dan sebagainya yang banyak mempengaruhi pengetahuan dan pemikiran mereka.

Kajian yang dijalankan ini seterusnya dapat membantu para pengkaji sains sosial yang lain untuk memahami pergolakan dan penerimaan masyarakat terhadap teknologi baru seperti IT. Melalui pemerhatian dan perubahan yang berlaku dalam masyarakat, serta diperkuuhkan lagi dengan teori-teori kelakuan manusia, kita akan berupaya untuk memahami bagaimana transisi masyarakat berlaku daripada tradisional kepada moden.

1.5 Permasalahan Kajian

Kemajuan yang pesat dunia hari ini turut mendorong negara kita Malaysia untuk turut sama membangunkan ITnya. Dengan adanya projek seperti MSC, negara kita dijangka akan memperolehi pelbagai manfaat kerana matlamat penubuhan MSC adalah untuk memberi berbagai-bagai kemudahan kepada masyarakat terutama dari aspek pembelajaran, pengetahuan, pelaburan, dan sebagainya. Maklumat yang diperolehi daripada MSC ini akan menjadi aplikasi pelbagai guna yang terpenting pada masa kini untuk membolehkan rakyat negara kita memperbaiki taraf hidup mereka. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia amat berbangga dengan pencapaian yang telah diperlihatkan melalui projek MSC ini.

Walau bagaimanapun, penubuhan projek ini tidaklah semudah yang disangkakan. Terdapat banyak halangan yang membataskan projek ini dilaksanakan dengan lancar. Selain itu juga, masalah juga timbul di kalangan masyarakat khususnya surirumah yang merupakan fokus utama kajian ini kerana beberapa faktor. Oleh itu, kajian ini menggariskan beberapa persoalan atau permasalahan yang timbul daripada penubuhan MSC ini.

1.5.1 Bagaimana MSC menarik lebih banyak penggunaannya di kalangan surirumah

Memandangkan liputan-liputan meluas yang dilakukan bagi tujuan penyebaran maklumat MSC dan kebanyakannya ada menyebut akan kebaikan MSC dan tidak kurang juga ada menyebut akan kelemahan MSC maka ianya dikatakan mampu mewujudkan seorang individu yang cemerlang dan sekaligus membentuk sikap masing-masing yang lebih terarah kepada perkembangan MSC dan teknologi maklumat.

Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana MSC mempergiatkan peranan serta bagaimana MSC mengambil langkah-langkah untuk menarik lebih banyak penggunaannya di kalangan surirumah. Memandangkan golongan ini kurang pendedahan terhadap kemajuan IT, maka seharusnya MSC menjalankan usaha-usaha keras yang drastik agar ianya mampu menarik perhatian golongan ini.

1.5.2 Bagaimana MSC dapat membentuk masyarakat bermaklumat dalam kelompok surirumah

Mahathir Mohamed (1996), semasa perasmian Infortech Malaysia 1996 mengatakan bahawa pembentukan sesebuah masyarakat madani merupakan visi asas kepada Agenda Maklumat. Menurut beliau, masyarakat madani yang dibentuk pada masa depan merupakan sebuah masyarakat bukan sahaja diperintah oleh orang cerdik tetapi rakyat harus menyertai secara aktif dalam menentukan untung nasib mereka sendiri.

Walaupun Malaysia sebuah negara yang kecil, aman dan stabil dari segi politik dan ekonomi namun proses untuk menyampaikan kemahiran teknologi baru kepada masyarakat terutamanya pada golongan surirumah yang tidak bekerja adalah sukar. Ini kerana berikutan kurangnya pendedahan dan pendidikan mengenai teknologi sebelum tahun-tahun 1980-an. Tanpa pendedahan yang cukup, matlamat untuk membentuk masyarakat bermaklumat adalah sukar dan seterusnya menyukarkan aplikasi menyeluruh jaringan MSC.

Kajian ini untuk melihat bagaimana penubuhan MSC membentuk surirumah menjadi masyarakat yang bermaklumat dengan mempelajari dan mengaplikasi IT secara intensif dan mendalam lagi. Di samping itu, pengkaji juga ingin mengetahui apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk membentuk *information society* di kalangan surirumah ini.

1.5.3 Apakah MSC mendatangkan kesan positif dan negatif terhadap surirumah.

MSC adalah satu kawasan uji kaji bagi menangani perubahan-perubahan yang berlaku dari zaman industri ke zaman IT. Uji kaji terhadap pembangunan dan pengembangan IT yang melibatkan setiap aspek aktiviti masyarakat akan dijalankan di bawah rancangan MSC. Dengan itu, penubuhan MSC ini tentunya mendatangkan pelbagai kesan terhadap seluruh rakyat Malaysia terutamanya golongan surirumah.

Kajian ini tentunya untuk melihat apakah kesan-kesan atas perubahan yang dibawa oleh MSC terhadap surirumah. Persoalan ini dapat membantu pengkaji dalam mencapai objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti peranan dan penglibatan golongan surirumah dalam MSC serta dunia ICT dalam usaha membentuk masyarakat bermaklumat.

1.6 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan seramai 506 responden yang terdiri daripada golongan surirumah di Malaysia yang meliputi kawasan bandar dan luar bandar. Pengkaji telah menetapkan untuk menjalankan kajian bagi sektor surirumah yang telah dibahagikan mengikut zon-zon yang tertentu dalam menentukan bilangan atau populasi responden bagi setiap kawasan. Seramai 100 orang telah ditetapkan untuk setiap zon. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa metodologi kajian yang di rasakan sesuai untuk mendapatkan hasil kajian yang memuaskan. Kombinasi metodologi kajian ini diharapkan dapat mencapai tiga objektif kajian yang telah dinyatakan. Antara metodologi kajian yang digunakan ialah:

1.6.1 Soal selidik

i) Pengumpulan data secara kuantitatif

Kaedah ini menggunakan borang soal selidik yang mengandungi soalan terbuka dan tertutup. Ianya bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci tentang tahap pandangan dan pemikiran setiap responden yang telah dikenalpasti. Maklum balas yang diperolehi lebih piawai dan dapat dibuat perbandingan antara satu sama lain. Cara ini juga memudahkan pengkaji membuat analisis dengan cepat kerana maklumat yang diterima adalah lengkap. Semua maklum bals yang diterima akan diproses dan dianalisis menggunakan perisian SPSS.

ii) Pengumpulan data secara kualitatif

Temubual bersemuka secara tidak langsung juga dilakukan terhadap responden yang telah dikenalpasti sewaktu mereka menjawab setiap soalan borang soalselidik yang disediakan. Kaedah ini digunakan

untuk mendapatkan gambaran yang jelas sejauhmana tahap pengetahuan mereka terhadap isu yang dibangkitkan kajian ini. Ini merupakan kaedah yang berkesan untuk mendapatkan kupasan data dan isu yang jelas dan nyata memandangkan responden memiliki kefahaman yang berbeza-beza terhadap kajian ini. Kaedah ini juga amat berkesan kerana ia membuka peluang kepada responden untuk menyampaikan maklumat dan reaksi mereka terhadap sesuatu isu atau perkara yang dikaji.

1.6.2 Rujukan perpustakaan

Bagi mendapatkan lebih banyak lagi maklumat tentang kajian ini, pengkaji juga membuat rujukan diperpustakaan untuk mendapatkan maklumat dari media massa seperti keratan akhbar dan majalah. Pengkaji juga membuat rujukan berdasarkan kertas-kertas persidangan yang membincangkan tentang tajuk yang berkaitan dengan tajuk kajian, jurnal-jurnal yang berkaitan, buku-buku rujukan dan sebagainya.

Rujukan ini dilakukan di beberapa buah perpustakaan di sekitar Lembah Klang.

Maklumat juga diperolehi dengan mengakses internet daripada pelbagai laman web yang menyediakan bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

1.6.3 Analisis Kandungan

Pengkaji akan menganalisis kandungan yang terdapat dalam jaringan MSC dengan mengakses laman web daripada internet. Dari situ, pengkaji dapat melihat segala isi kandungan, matlamat, fungsi dan kemudahan yang ditawarkan

dan di sediakan kepada setiap pengguna khususnya kepada seluruh rakyat di Malaysia. Pengkaji juga akan melihat secara kasar perubahan serta perkembangan terkininya.

Melalui kaedah analisis kandungan ini, pengkaji dapat membincangkan peranan MSC di bawah pengurusan MDC dalam usaha membantu membentuk *information society* di Malaysia khususnya di kalangan surirumah.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat pelbagai masalah yang terpaksa dihadapi oleh pengkaji dalam usaha menjalankan kajian ini. Berdasarkan penggunaan kaedah rujukan perpustakaan, pengkaji mendapati kurangnya terdapat buku atau bahan rujukan serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan surirumah dan kesedaran mereka dalam dunia IT mahupun multimedia. Lazimnya kajian lepas lebih bersifat umum dengan memberi fokus kepada wanita di Malaysia bukannya surirumah.

Di samping itu juga, pengkaji mengalami kesukaran dari segi menyampaikan apa yang dikehendaki dalam borang soal selidik. Kebanyakan daripada surirumah ini tidak mempunyai pendidikan yang tinggi khususnya bagi mereka yang berada di kawasan luar bandar. Mereka juga kurang didedahkan dengan IT menyebabkan ada di antara mereka yang langsung tidak tahu apakah MSC dan penggunaan IT. Oleh itu, pengkaji perlu mengambil masa yang agak lama untuk menunggu mereka menghabiskan kesemua soalan yang terdapat dalam borang soal selidik tersebut. Pada masa yang sama, pengkaji juga terpaksa menerangkan dengan lebih terperinci lagi apakah tujuan kajian ini serta apakah fungsi MSC.

Selain itu, masalah kerjasama juga turut dialami oleh pengkaji di mana ramai di antara surirumah ini enggan memberikan kerjasama yang baik. Kebanyakan daripada mereka tidak membuka pintu kerana menganggap kehadiran pengkaji sebagai seorang jurujual. Situasi ini lazimnya berlaku di kawasan bandar.

1.8 Skop Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan membentangkan kajian yang dibuat dan dianalisis mengikut skop kajian yang telah dibahagikan kepada enam bab. Bab satu merangkumi pengenalan kepada kajian. Ini termasuklah persoalan kajian yang dijalankan, objektif, permasalahan, kaedah yang dipilih dan faktor pemilihan sample yang telah diterangkan di atas.

Dalam bab dua pula, pengkaji akan menerangkan latar belakang Malaysia dan perkembangan ekonomi serta kemajuan IT di negara ini serta perubahan-perubahan yang telah dilakukan untuk mencapai tahap kedudukannya pada hari ini termasuklah perlaksanaan projek MSC . Pengkaji juga turut memfokuskan situasi golongan sasaran kajian ini iaitu surirumah untuk melihat sejauh mana penglibatan mereka dalam IT di negara ini. Bab ini meliputi semua aspek tentang surirumah seperti tahap pendidikan, pengetahuan serta sejauhmana pendedahan mereka terhadap dunia IT.

Bab tiga pula, pengkaji akan menerangkan proses pembentukan dan perubahan yang dialami oleh Malaysia dan masyarakatnya melalui perlaksanaan projek MSC khususnya bagi surirumah. Selain itu, teori komunikasi serta teori-teori lain yang berkaitan akan dikemukakan bagi memberi gambaran perubahan yang dilalui oleh rakyat Malaysia. Pengkaji juga turut menekankan konsep *information society* dalam masyarakat Malaysia amnya dan bagi golongan surirumah khususnya. Pengkaji akan memberi contoh kajian-kajian lepas yang telah dilakukan bagi memastikan projek MSC ini mampu menyedarkan surirumah tentang kewujudan dan kepentingannya. Bab ini juga memperlihatkan kesan-kesan terhadap golongan surirumah akibat daripada perlaksanaan MSC.

Dalam bab empat, pengkaji akan membentangkan hasil kajian yang telah dijalankan. Menerusi ketiga-tiga kaedah yang dipilih, hasil dapatannya membolehkan pengkaji menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan dalam bab satu sebelum ini.

Bagi bab lima pula, pengkaji akan memasukkan semua hasil analisis kajian yang telah di jalankan. Ini termasuklah analisis data soalselidik yang telah di jalankan dengan menggunakan perisian SPSS. Di sini, pengkaji akan membuat perbandingan tahap kesedaran surirumah di kawasan luar bandar dan bandar tentang kewujudan MSC dan peranan penubuhannya.

Pengkaji akan melihat semua aspek yang terdapat dalam setiap borang soal selidik termasuklah tahap pendidikan setiap responden, cadangan, isi tersirat setiap elemen dan sebagainya. Dari sini pengkaji akan membuat huraian setiap aspek yang dikaji untuk melihat kejayaan perlaksanaan MSC. Konsep masyarakat bermaklumat akan dikaitkan dengan teori-teori yang telah dikemukakan dalam bab empat.

Bab enam iaitu bab terakhir kertas kerja ini pula akan memberi rumusan yang telah didapati melalui kajian yang telah dijalankan. Cadangan dan langkah-langkah daripada pengkaji akan turut dimuatkan dalam bab ini untuk memperbaiki lagi usaha MSC untuk menyedarkan masyarakat Malaysia dan seterusnya golongan surirumah akan projek mega negara ini. Pengkaji berharap segala hasil yang dibentangkan dan dirumuskan ini dapat membantu pembaca memahami kepentingan kajian ini dijalankan serta mengetahui bagaimana pensosialisasian masyarakat berlaku daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat bermaklumat yang sepenuhnya mengaplikasikan sistem komputer.